

3767/1
EKONOMI
KERTAS 1
MASA 1 1/4 JAM



MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA
(CAWANGAN PULAU PINANG)

MODUL LATIHAN BERFOKUS SPM 2019

EKONOMI
KERTAS 1
1 JAM 15 MINIT

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

ARAHAN:

1. *Kertas soalan ini ini mengandungi 40 soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Tiap- tiap soalan diikuti empat pilihan iaitu A, B, C dan D. Pilih satu jawapan sahaja. Hitamkan kertas jawapan anda pada kertas objektif yang disediakan.*
4. *Jika hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baharu.*
5. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.*

Modul ini mengandungi 13 halaman bercetak.


- 1 Ilmu ekonomi ialah bidang yang mengkaji cara manusia
- A merapatkan jurang perbezaan antara golongan kaya dengan golongan miskin
 - B menggunakan tabungan untuk meningkatkan pendapatan pada masa depan
 - C menghasilkan keluaran dengan menggunakan faktor pengeluaran secara optimum
 - D menyeimbangkan pelbagai kehendak manusia dengan sumber ekonomi yang terhad
- 2 Jadual 1 di bawah menunjukkan kombinasi pengeluaran yang dilakukan oleh Syarikat Kasut Husna

Teknik pengeluaran	Kasut Sukan (pasang)	Kasut Sekolah (pasang)
A	100	10
B	75	30
C	50	50
D	25	70

Jadual 1

Berapakah kos lepas apabila Syarikat Kasut Husna meningkatkan pengeluaran kasut sukan daripada 75 pasang kepada 100 pasang?

- A 100 pasang kasut sukan
 - B 75 pasang kasut sukan
 - C 30 pasang kasut sekolah
 - D 20 pasang kasut sekolah
- 3 Rajah 1 menunjukkan keluk kemungkinan pengeluaran sebuah negara



Berdasarkan rajah di atas apakah maksud titik B

- A Masalah pilihan
- B Ketidakupayaan ekonomi
- C Wujudnya masalah pengangguran
- D Kombinasi pengeluaran yang tidak cekap

- 4 Maklumat di bawah ini berkaitan dengan Firma Suhaila.

Firma Suhaila merupakan pengeluar roti canai segera yang popular. Firma ini menggunakan tenaga pekerja tempatan untuk mengeluarkan produknya.

Masalah asas ekonomi yang manakah berkaitan dengan situasi di atas?

- I Apa yang hendak dikeluarkan
- II Berapa yang hendak dikeluarkan
- III Bagaimana hendak dikeluarkan
- IV Untuk siapa dikeluarkan
- A I dan II
- B I dan III
- C II dan III
- D III dan IV

- 5 Maklumat di bawah berkaitan dengan suatu sistem ekonomi.


- Firma bermotifkan keuntungan
- Mekanisme pasaran menyelesaikan masalah asas ekonomi

Antara yang berikut, yang manakah benar tentang sistem ekonomi tersebut?

	Sistem ekonomi	Pembuat keputusan
A	Sosialis	Kerajaan
B	Campuran	Kerajaan dan swasta
C	<i>Laissez faire</i>	Pengguna dan pengeluar
D	Islam	Kerajaan dan swasta

- 6 Apakah kelebihan sistem ekonomi campuran berbanding dengan sistem ekonomi pasaran bebas?
- A Kestabilan penawaran
 - B Keadilan agihan pendapatan
 - C Tiada persaingan antara firma
 - D Keuntungan firma lebih tinggi

- 7 Rajah 2 menunjukkan keluk permintaan bagi 5 orang individu terhadap barang Q.




Rajah 2

Berapakah kuantiti yang diminta oleh individu M pada tingkat harga RM5 jika jumlah permintaan pasaran ialah 29 unit?

- A 3 unit
 B 5 unit
 C 8 unit
 D 10 unit
- 8 Kombinasi pilihan manakah yang betul tentang penentu permintaan bagi barang S?

	Penentu permintaan	Harga Barang S	Kuantiti Permintaan
A	Kerajaan menaikkan kadar cukai pendapatan	Naik	Jatuh
B	Harga barang pengganti meningkat	Tetap	Bertambah
C	Pendapatan pengguna bertambah	Naik	Bertambah
D	Jangkaan harga pada masa depan meningkat	Tetap	Jatuh

9. Apakah implikasi yang akan timbul apabila berlaku lebih penawaran dalam pasaran?
 I Tingkat harga barang akan menurun
 II Kuantiti diminta barang akan meningkat
 III Tingkat harga barang akan meningkat
 IV Kuantiti diminta barang akan menurun
 A I dan II
 B I dan IV
 C II dan III
 D III dan IV
10. Rajah 3 di bawah ini menunjukkan keluk perubahan keseimbangan pasaran jam tangan.



Rajah 3

- Manakah kesan peningkatan pendapatan isi rumah kepada keseimbangan pasaran jam tangan?
- A Beralih dari D_0D_0 ke D_2D_2
 B Kuantiti keseimbangan pasaran yang baharu ialah Q_2
 C Harga keseimbangan pasaran akan meningkat dari P_0 ke P_1
 D Tiada perubahan yang berlaku kepada keluk keseimbangan pasaran
11. Barang N mempunyai nilai keanjalan harga penawaran 2.8. Sekiranya harga barang N meningkat sebanyak 20%, kuantiti ditawarkan bagi barang N akan meningkat daripada 120 unit kepada
- A 156 unit
 B 166 unit
 C 170 unit
 D 188 unit

- 12 Cik Lee Ying membeli sebuah telefon pintar berharga RM1 900 dengan bayaran ansuran bulanan sebanyak RM160 sebulan.

Fungsi wang dalam pernyataan di atas ialah

- I alat ukuran nilai
- II alat simpanan nilai
- III alat bayaran tertunda
- IV alat perantaraan pertukaran
- A I dan II
- B I dan III
- C II dan III
- D II dan IV

- 13 Maklumat di bawah ini berkaitan dengan Syarikat Bahagia Berhad.

Syarikat Bahagia Berhad mempunyai hampir 10 000 tenaga kerja yang menjalankan tugas mengikut kepakaran masing-masing. Pada setiap bulan, semua pekerja akan menerima upah yang dimasukkan terus ke akaun mereka. Ini memudahkan mereka menerima upah pada masa yang telah ditetapkan.

Kemudahan manakah yang telah digunakan oleh majikan Syarikat Bahagia Berhad?

- A Draf bank
- B Debit langsung
- C Pindahan kredit
- D Perintah sedia ada

- 14 Jadual 2 menunjukkan butir-butir pendapatan dan bayaran yang telah dibuat oleh Encik Rozaini dalam setahun.

Butiran	RM
Pendapatan tahunan	32 000
Cukai pendapatan	1 300
Ansuran kereta	7 200
Bayaran zakat	400
Caruman KWSP	3 500
Caruman PERKESO	160

Jadual 2

Berapakah pendapatan boleh guna Encik Rozaini?

- A RM19 440
- B RM23 100
- C RM26 640
- D RM37 040

- 15 Pilih pernyataan yang benar mengenai pelbagai jenis pelaburan.

	Jenis pelaburan	Tahap risiko	Jenis pulangan
A	Simpanan tetap	Tinggi	Faedah
B	Saham	Rendah	Dividen
C	FOREX	Tinggi	Sewa
D	Hartanah	Rendah	Untung

- 16 Gambar 1 di bawah merupakan sejenis input yang digunakan dalam proses pengeluaran barang dan perkhidmatan.



Gambar 1

Pernyataan manakah berkaitan dengan gambar di atas?

- I Wujud walaupun output sifar
 - II Kuantitinya tidak berubah pada sebarang tingkat output
 - III Wujud dalam jangka masa panjang sahaja
 - IV Kuantiti output meningkat, kuantiti input juga meningkat
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D II dan IV

- 17 Jadual 3 menunjukkan input berubah dan jumlah keluaran suatu barang.

Input berubah	Jumlah keluaran (unit)
0	-
1	9
2	17
3	23
4	29

Jadual 3

Keluaran marginal adalah paling tinggi pada input berubah ke-

- A 1
B 2
C 3
D 4

- 18 Maklumat di bawah berkaitan dengan Firma A.

Firma A menjual kerusi plastik dengan harga RM25 seunit. Kos berubah ialah 60% daripada harga jualan. Kos tetap ialah RM120 000.

Hitungkan keuntungan sekiranya firma menjual 40 000 unit kerusi plastik.

- A RM100 000
- B RM280 000
- C RM600 000
- D RM720 000

- 19 Gambar 2 di bawah berkaitan diskaun yang ditawarkan oleh syarikat pengangkutan Transit Aliran Ringan (LRT) kepada pengguna yang menggunakannya.



Gambar 2

Berdasarkan gambar di atas, apakah kesan kepada masyarakat?

- A Menambahkan kos peribadi masyarakat
 - B Menambahkan kesan eksternaliti negatif
 - C Mengurangkan kos luaran masyarakat
 - D Mengurangkan faedah peribadi masyarakat
- 20 Produktiviti dipengaruhi oleh
- I teknologi
 - II jenis milikan
 - III saiz organisasi
 - IV struktur organisasi
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

21 Maklumat di bawah merupakan ciri-ciri suatu pasaran.

- | |
|--|
| <ul style="list-style-type: none"> • Keluaran tiada pengganti • Tiada kebebasan keluar masuk industri • Penentu harga pasaran |
|--|

Antara yang berikut, syarikat manakah menepati ciri-ciri di atas?

- A Sime Darby Berhad
 B Tenaga Nasional Berhad
 C Malayan Banking Berhad
 D Maxis Communication Berhad

22 Kadar inflasi di Malaysia telah menurun daripada 3.14% pada tahun 2014 kepada 2.10% pada tahun 2015. Perubahan ini mungkin disebabkan oleh

- A kejatuhan eksport Malaysia
 B defisit akaun imbalan dagangan
 C peningkatan kadar upah yang kecil
 D penurunan harga barang dan perkhidmatan

23 Antara yang berikut, padanan yang manakah betul?

	Objektif Makroekonomi	Strategi
A	Guna tenaga penuh	Mengurangkan kadar pengangguran
B	Kestabilan harga	Kerajaan mengeluarkan barang keperluan
C	Pertumbuhan ekonomi	Mengawal pelaburan sektor swasta
D	Kestabilan imbalan pembayaran	Mengawal eksport negara

24 Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara dijangka merosot sebanyak 1.6%. Antara yang berikut, yang manakah mungkin menyebabkan keadaan di atas?

- A Penurunan dalam eksport
 B Penurunan dalam kadar inflasi
 C Peningkatan dalam produktiviti
 D Penurunan dalam kadar pengangguran

25 Manakah yang merupakan hasil bukan cukai?

- A Levi
 B Duti setem
 C Dividen petroleum
 D Cukai pendapatan petroleum

26 Jadual 4 berkaitan dengan data ekonomi di Malaysia.

Butiran	Juta orang
Jumlah penduduk	31.70
Tenaga buruh	22.03
Pengangguran	1.109

Jadual 4

Berdasarkan jadual di atas, guna tenaga di Malaysia pada tahun 2016 ialah

- A 9.67 juta orang
 B 20.921 juta orang
 C 23.139 juta orang
 D 30.591 juta orang

27. Manakah yang merupakan ciri-ciri globalisasi?
 A Undang-undang dimansuhkan
 B Kewujudan blok perdagangan
 C Penggunaan komunikasi dihadkan
 D Dasar autokrasi dalam pilihan politik
28. Gambar 3 di bawah merupakan sebuah syarikat yang beroperasi di Malaysia.



Gambar 3

- Pernyataan manakah berkaitan dengan rajah di atas?
- I Firma milik swasta dan kerajaan
 II Semua tenaga kerja diambil dari negara pengeluar
 III Semua cawangan firma dikawal oleh firma induk negara asal
 IV Pemindahan teknologi yang canggih antara cawangan di negara yang berbeza
- A I dan II
 B I dan IV
 C II dan III
 D III dan IV
29. Antara yang berikut, manakah yang merupakan kelebihan liberalisasi perdagangan?
- I Penambahan tenaga pakar dalam jangka masa panjang
 II Negara luar mengenakan sekatan bagi menjamin industri mereka
 III Kos pengeluaran meningkat serta daya kecekapan pengeluaran rendah
 IV Memudahkan pergerakan barang, perkhidmatan dan sumber antara negara
- A I dan II
 B I dan IV
 C II dan III
 D III dan IV

- 30 Maklumat berikut diambil daripada sebuah portal berita tempatan.

Piala Dunia 2018 Live di RTM

PERLAWANAN bola sepak Piala Dunia 2018 di Rusia akan disiarkan secara langsung menerusi Radio Televisyen Malaysia (RTM).

Menteri Komunikasi dan Multimedia, Gobind Singh Deo berkata, perincian mengenai pemilihan perlawanan akan dimaklumkan dalam masa terdekat.

Sumber: Dipetik daripada www.hmetro.com.my

- Perkhidmatan di atas merupakan
- A import barang nampak
 B eksport barang nampak
 C import barang tak nampak
 D eksport barang tak nampak
- 31 Jadual 5 berikut menunjukkan akaun semasa bagi Negara X.

Butiran	RM (juta)
Eksport barang	180
Import barang	110
Perkhidmatan kewangan	50
Perjalanan dan pengangkutan	-70
Akaun pendapatan	-30

Jadual 5

- Berapakah imbangan akaun semasa bagi Negara X?
- A RM5 juta
 B RM20 juta
 C RM50 juta
 D RM70 juta
- 32 Maklumat berikut berkaitan dengan kadar pertukaran asing antara Pound Sterling (£) dan Dolar Amerika (USD) berbanding Ringgit Malaysia (RM).

£1.00 = RM5.40
 USD1.00 = RM3.67

- Berapakah nilai Pound Sterling dalam mata wang Dolar Amerika Syarikat?
- A £1.00 = USD1.47
 B £1.00 = USD1.46
 C £1.00 = USD0.69
 D £1.00 = USD0.68

33. Apakah kesan terhadap eksport Malaysia jika berlaku kenaikan kadar pertukaran asing?
- A Harga barang eksport menjadi lebih murah
 - B Permintaan terhadap eksport Malaysia akan meningkat
 - C Pengimport terpaksa membayar dengan harga yang lebih tinggi
 - D Pengeksport Malaysia akan menambahkan pengeluaran mereka

Soalan 34 hingga Soalan 40 berdasarkan pilihan jawapan seperti jadual di bawah.

Pilihan	Pernyataan 1	Pernyataan II
A	Betul	Salah
B	Salah	Betul
C	Betul	Betul
D	Salah	Salah

34. I Faktor pengeluaran terdiri daripada tanah, buruh, modal dan usahawan.
 II Contoh pendapatan daripada faktor pengeluaran yang dimiliki oleh individu ialah pencen.
35. I Keluk permintaan bersilang dengan keluk penawaran menunjukkan ketidakseimbangan pasaran.
 II Keseimbangan pasaran berlaku apabila kuantiti yang diminta sama dengan kuantiti yang ditawarkan.
36. I Pada keluaran sifar, input berubah sahaja yang terlibat dalam proses pengeluaran.
 II Bahan mentah merupakan input berubah yang digunakan dalam proses pengeluaran barang dan perkhidmatan.
37. I Pengangguran geseran merupakan pengangguran jangka pendek.
 II Tenaga buruh di Malaysia berumur 16 tahun hingga 65 tahun.
38. I Defisit akaun semasa akan menyebabkan peluang pekerjaan meningkat.
 II Cara mengatasi defisit akaun semasa adalah dengan meningkatkan jumlah eksport.
39. I Sekatan perdagangan antarabangsa membantu melindungi industri muda.
 II Sekatan bukan ekonomi merupakan pemulauan barangan dari negara tertentu.
40. I Ringgit Malaysia mengalami kejatuhan nilai apabila wujudnya lebihan penawaran Dolar Amerika Syarikat.
 II Ringgit Malaysia mengalami kenaikan nilai apabila wujudnya lebihan permintaan Dolar Amerika Syarikat.

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT